



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan  
Maklum Balas



Peta Laman

|                       |                                      |                                  |
|-----------------------|--------------------------------------|----------------------------------|
| <a href="#">Utama</a> | <a href="#">Profil Kementerian ▾</a> | <a href="#">Piagam Pelanggan</a> |
|-----------------------|--------------------------------------|----------------------------------|

[Hubungi Kami ▾](#)

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Mahu Kekal GST Bukti Pembangkang Tak konsisten](#)

## Berita Harian - Mahu Kekal GST Bukti Pembangkang Tak konsisten

🕒 Rabu, Apr 26 2017



# Mahu kekal GST bukti pembangkang tak konsisten

**Iskandar Puteri:** Pendirian pembangkang yang mahu mengekalkan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) jika mentadbir negara pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) menunjukkan pakatan itu tidak konsisten.

Malah, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata kenyataan itu membuktikan pakatan pembangkang sebenarnya tidak konsisten dalam pelbagai perkara.

"Ini bukan mengejutkan kerana kita sudah tahu sikap pembangkang yang tidak konsisten dalam pelbagai perkara, malah pembang-

kang juga suka membawa banyak persepsi.

### Sistem percukaian adil

"Sebelum ini, banyak kali diperjelaskan GST sistem percukaian yang adil dan banyak negara juga laksanakan. Ini juga membolehkan kerajaan mengutip cukai secara sistematik.

"Jika pembangkang mahu hapuskan GST, mereka nak ganti dengan apa kerana GST sekurang-kurangnya dapat kurangkan isu kebocoran (ketirisan hasil)," katanya selepas merasmikan I-MOVE Kerajaan Johor di Studio Pinewood



Jika pembangkang mahu hapuskan GST, mereka nak ganti dengan apa kerana GST sekurang-kurangnya dapat kurangkan isu kebocoran (ketirisan hasil)"

**Mohamed Khaled Nordin,**  
Menteri Besar Johor

Iskandar Malaysia, di sini, semalam.

### Pembangkang tak sedia batal GST

Ahad lalu, Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar pada satu majlis ceramah di Tasek Gelugor, Pulau Pinang, dilaporkan berkata, pembangkang tidak bersedia membatalkan GST jika menang PRU-14, mungkin hanya menurunkan kadarnya.

Mohamed Khaled berkata, ketika sistem GST diperkenalkan, Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin

Yassin juga berada dalam kerajaan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Ketika saya menjadi Menteri Pendidikan Tinggi, kita adakan perbincangan dan pertemuan setiap tahun dengan pemimpin pelajar, ketika itu (pertemuan) dipengerusikan Muhyiddin sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Beliau (Muhyiddin) sendiri dengan GST kerana melihat ia sistem percukaian adil. Sistem berkenaan juga diperkenalkan ketika Muhyiddin berada dalam kerajaan," katanya.

BH 26/4

**Pekeliling  
Perbendaharaan**

## Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**